

'Kertas Putih' belia

Peluang golongan muda suarakan keprihatinan dan cerna idea bagi tangani cabaran jelang 2030

► **NURUL 'AIN RAZALI**
nrzali@sph.com.sg

GOLONGAN belia kini berpeluang menyuarakan keprihatinan mereka dan mencerna idea bagi menangani cabaran menjelang 2030 dengan mengeluarkan 'Kertas Putih' mereka sendiri menerusi Praxis.

Berbentuk sebuah kertas kerja, ia dinamakan Kertas Praxis dan akan dihasilkan menerusi sesi Praxis selanjutnya iaitu Praxis 3.0.

Praxis 3.0, anjuran Kelab Mendaki (MClub) dan Angkatan Karyawan Islam Muda (Young AMP), bakal berlangsung di Institut Latihan Kepimpinan Masyarakat (Nacli), South Buona Vista Road, dari 14 hingga 17 Jun ini.

Praxis ialah program pembangunan belia yang bertujuan meningkatkan kesedaran serta memupuk pemikiran kreatif dan kritikal terhadap isu-isu melibatkan golongan muda Melayu/Islam masa kini.

"Kertas Praxis bertujuan menjana idea bagi projek kemasyarakatan. Ia akan memberi gambaran tentang masyarakat pada 2030. Ia juga membolehkan peserta menghasilkan projek yang dapat membantu masyarakat pada waktu itu," ujar jurucakap Praxis, Cik Naisuha Nizam Thaha, 20 tahun.

Menurut laman Praxis, namanya itu bermaksud 'suatu proses di mana sesuatu teori, pelajaran atau kemahiran dilaksanakan, digunakan dan difahami'.

Program itu melibatkan tiga fasa iaitu bengkel, melakar rancangan dan peluasan idea.

Pertama, mereka dikehendaki menjalani bengkel tiga hari, dengan mempelajari pelbagai kemahiran dan mendengar ceramah.



CIPTA KENANGAN BERSAMA: Kesemua peserta Praxis 2.0 bersatu mengambil gambar kenangan seusainya bengkel Praxis Jun tahun lalu. – Foto PRAXIS

Seterusnya, mereka akan membentuk kumpulan projek dan melakar rancangan bagi projek mereka, selain mendapatkan bimbingan selama enam bulan.

Akhirnya, mereka akan didedahkan kepa-

da idea-idea yang boleh mereka perluas dan kemudian melaksanakannya.

Praxis 3.0 merupakan acara Praxis yang kelima diadakan sejak dimulakan pada Disember 2010.

Praxis dilancarkan oleh Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, dan menerima suntikan dana berjumlah \$30,000 daripada Yayasan Mendaki setiap tahun.

PRAXIS 3.0

Tarikh: 14 hingga 17 Jun

Tempat: Institut Latihan Kepimpinan Masyarakat (Nacli), South Buona Vista Road.

Topik tumpuan: Warga emas, keluarga, belia dan pendidikan.

Kegiatan: Bengkel kemahiran, sesi berkongsi pendapat dengan sidang profesional, lawatan dan menghasilkan Kertas Praxis.

Jumlah tempat: 40

Pendaftaran: Menerusi sekolah atau institusi pengajian tinggi masing-masing atau layari laman praxis.launchrock.com.

Sejauh ini, lebih 100 belia meraih manfaat daripada empat acara Praxis sejak dilancarkan.

Kali ini perkhemahan Praxis berteraskan falsafah Afrika 'Ubuntu' atau 'Saya ada kerana kita ada' (*I am because we are*).

Di bawah teras itu, jawatankuasa penganjur Praxis berharap belia dapat memahami peranan mereka dalam masyarakat dan meskipun masih muda, mereka tetap mempunyai hak dalam meneroka isu-isu kemasyarakatan.

Topik tumpuan perkhemahan Jun ini berkisar pada isu golongan warga emas, keluarga, belia dan pendidikan.

Antara lain, peserta akan menyertai bengkel kemahiran mengkaji dan memahami diri sendiri, sesi berkongsi pendapat dengan sidang profesional dan lawatan ke badan-badan kemasyarakatan.

Laporan lain

– Muka 8